

Faks : 237605
Tel : 252692
KEW(S)300-7/4 Kit.4/(43)
Bil : 13 September 2005
Tarikh :



KEMENTERIAN KEWANGAN
Wisma Kewangan
88593 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI BIL. 6/2005
MEMBELI DAN MEMUNGUT BATERI-BATERI LAMA YANG TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN LAGI BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN DARIPADA SEMUA
KEMENTERIAN, JABATAN DAN BADAN BERKANUN NEGERI SABAH**

1. PERIHAL

- 1.1. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan, Negeri Sabah telah mengadakan satu (1) kontrak pemungutan dan penjualan bateri-bateri lama yang telah dipakai dan tidak boleh digunakan lagi milik semua Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Negeri Sabah.

2. NO. KONTRAK

- 2.1. KEW.6/2005

2/...

3. KAWASAN-KAWASAN PEMUNGUTAN DAN BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR

a) **KAWASAN PEMUNGUTAN :** **Kementerian, Jabatan Kerajaan dan
Badan Berkanun
(BAHAGIAN PANTAI BARAT)**

- i) Nama Kontraktor: **SEA VILLAGE ENTERPRISE**
- ii) Alamat Kontraktor: 89600 Papar, Sabah
- iii) Nombor Telefon: H/p: 0138524161/ 0128328986

b) **KAWASAN PEMUNGUTAN:** **Kementerian, Jabatan Kerajaan Negeri
Dan Badan Berkanun
(BAHAGIAN PANTAI TIMUR)**

- i) Nama Kontraktor: **PEMBORONG NORHAM ENTERPRISE**
- ii) Alamat Kontraktor: Block. D, Lot 4 Tingkat Satu Jalan Sg.Damit,
P.O.Box 801,
89208 TUARAN.
- iii) Nombor Telefon : H/p: 0198606081

4. TEMPOH KONTRAK

- 4.1. Tempoh kontrak ini adalah untuk tiga (3) tahun bermula daripada **01 Oktober 2005** hingga **30 September 2008**

5. TEMPOH PEMUNGUTAN

- 5.1. Kontraktor adalah dikehendaki memungut sendiri bateri-bateri lama yang tidak boleh digunakan lagi daripada semua Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Negeri bagi Kawasan di mana ianya telah dilantik **setiap tiga (3) bulan sekali. Ketua-Ketua Jabatan berkenaan dinasihatkan supaya memberitahu kepada kontraktor jumlah bateri-bateri lama yang tidak boleh digunakan lagi yang ada di dalam simpanan dan tempatnya sekali.**

6. SYARAT-SYARAT KHAS

- 6.1. Semua Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Negeri hendaklah menjual bateri-bateri lama yang tidak boleh digunakan lagi (not serviceable) melalui kontrak ini tanpa perlu mendapatkan kelulusan Lembaga Pemeriksa untuk pelupusan.
- 6.2. Pihak kontraktor adalah dikehendaki memungut dan membayar harga semua bateri-bateri lama berkenaan tanpa memilih bateri yang baik sahaja.

7. HASIL KERAJAAN

- 7.1. Hasil jualan bateri-bateri lama hendaklah dikreditkan kepada kod hasil di bawah tajuk pecahan kepala S00 0108 0006 (Jualan Harta/ Aset Kerajaan dan Barang-barang). Disamping itu semua ketua Jabatan adalah dikehendaki mengemukakan satu laporan ke pejabat ini mengenai penjualan bateri-bateri lama yang tidak boleh digunakan lagi dengan menggunakan borang **LAMPIRAN 'B'**. Senarai harga jualan bateri-bateri lama berkenaan adalah seperti di **LAMPIRAN A**. **Lampiran A** dan contoh **Borang B** dikepalkan.

8. PENGGUNAAN KONTRAK


- 8.1. Semua Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Negeri Sabah dikehendaki menggunakan kontrak ini sahaja dan penjualan di luar kontrak ini **adalah dilarang**. Sebarang penyelewengan dalam kontrak ini yang mengakibatkan kerugian hasil Kerajaan, maka pegawai yang terlibat akan diambil tindakan yang sewajarnya.

9. HAL-HAL LAIN

- 9.1. Jika ada apa-apa masalah dalam pelaksanaan kontrak ini, semua Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Negeri Sabah adalah dinasihatkan supaya menghubungi Kementerian ini dengan segera.

Sekian, terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN
BERSIH, CEKAP, DAN AMANAH "**



(DATUK H.J.S. ABDILLAH S. HASSAN, J.P)

Setiausaha Tetap

LAMPIRAN A

**KADAR HARGA BATERI LAMA YANG TIDAK
BOLEH DIGUNAKAN LAGI**

BIL	MODEL/JENIS	HARGA BAGI SEBUAH BATERI LAMA
1.	N 40	RM1.05
2.	NS 40	RM1.05
3.	N 40 Z	RM1.05
4.	NS 40 Z	RM1.05
5.	N 50	RM1.05
6.	N 50 Z	RM1.05
7.	N 55	RM1.15
8.	N 60	RM1.20
9.	N 70	RM1.20
10.	N 70 Z	RM1.20
11.	N 100	RM1.80
12.	N 120	RM2.00
13.	N 150	RM2.10
14.	N 200	RM3.00
15.	6 N6 3B	RM0.10
16.	MC 5	RM0.10
17.	NS 60	RM1.20
18.	NX 120-7	RM1.20
19.	Lain – Lain *	

CATATAN:

1. Harga –harga di atas adalah termasuk semua kos pemungutan/
pengangkutan.
2. * Bagi Model/Jenis bateri yang tidak termasuk dalam senarai, harga
jualan hendaklah berdasarkan harga bagi model/jenis terdekat dalam
senarai atau harga pasaran, mana lebih tinggi.

LAMPIRAN B

Nama Jabatan:

Rujukan Kami:

Tarikh:

Kepada,
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan,
88593 KOTA KINABALU
(u.p. Bahagian Perolehan dan Harta Awam)

LAPORAN JUALAN BATERI LAMA

Merujuk kepada perkara di atas, disertakan maklumat yang diminta untuk rujukan dan rekod tuan seperti di bawah.

BIL.	MODEL/ JENIS	JUMLAH BATERI DIBELI	KADAR HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				
6.				
7.				
8.				
9.				
10.				
11.				
12.				
13.				
14.				
15.				
16.				
17.				
18.				
19.				
20.				
			JUMLAH BESAR	

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH "

Saya yang menurut perintah

(.....)
Pengurus Syarikat

11.	N 70			
12.	N 70			
13.	N 70			
14.	N 70 Z			
15.	N 70 Z			
16.	N 70 Z			
17.	N 100			
18.	N 120			
19.	N 150			
20.	N 200			
21.	6 N6 B			
22.	MC 5			
23.	NS 60			
24.	NX 120 - 7			
25.	Lain-lain *			
				JUMLAH BESAR

(.....)
PENGURUS SYARIKAT

(.....)